

# Siswa digesa turun padang banteras jenayah di sekolah

MAJLIS Perwakilan Pelajar Kolej Universiti Islam Malaysia (MPPKUIM) mengutuk keras pembunuhan seorang pengawas Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bunut Susu, Kelantan, Mohd Shahril Abdul Razak.

Ini bukanlah kali pertama kejadian salah laku pelajar berlaku. Media sering melaporkan kejadian pelajar membela-sah pelajar sehingga menyebabkan kematian, samseng sekolah, kes buli dan sebagainya.

Kejadian seumpama ini hanya berpunca daripada sikap tidak puas hati serta perselisihan faham lalu diterjemahkan melalui pergaduhan dan diakhiri dengan tragedi pembunuhan.

Tidak cukup berhadapan dengan pelajar yang mempunyai masalah disiplin di sekolah, para guru juga terpaksa berhadapan dengan hakikat bahawa ramai pelajar kini terpengaruh dengan kumpulan samseng atau gangster.

Jiwa yang kosong daripada pendidikan agama, kehilangan pedoman bimbingan serta pengaruh rakan sebaya merupakan antara punca kebobrokan sah-siah yang berlaku dewasa kini.

Menyedari mahasiswa mempunyai status sosial dalam masyarakat, MPPKUIM menyeru seluruh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan persatuan pelajar di kampus seluruh negara berganding bahu dan bersatu hati menggiatkan usaha menghapuskan kes jenayah dan keruntuhan akhlak di kalangan pelajar se-

kolah.

Seluruh MPP dan persatuan pelajar di kampus perlu bertindak menjadikan agenda ini sebagai salah satu agenda aspirasi persatuan selaras dengan peranan mahasiswa yang tidak hanya terhad di dalam kampus semata bahkan turut dituntut untuk bertindak di pentas masyarakat terutama bagi membentuk modal insan dalam arus pendidikan.

MPPKUIM menyarankan seluruh persatuan pelajar di kampus 'turun padang' ke sekolah-sekolah menengah terutamanya dengan menganjurkan siri program yang bermanfaat dalam penerapan budaya pendidikan dan penyayang kepada pelajar sekolah.

## Matlamat

Program tradisi bakti siswa mesti diteruskan dan juga diaktifkan dengan menggunakan pelbagai bentuk pendekatan yang efisien dan efektif serta penganjuran beberapa siri program 'mentoring' yang berterusan agar objektif dan matlamat untuk membentuk sebuah komuniti yang bebas daripada jenayah akan dapat dicapai.

Selain itu PPKUIM mencadangkan agar setiap persatuan pelajar seluruh IPT mengambil sekolah angkat bagi persatuan mereka.

Usaha murni seperti ini akan mengeratkan lagi hubungan secara langsung

antara mahasiswa dan pihak sekolah supaya proses untuk mendidik serta membimbing para pelajar ini dilakukan secara berterusan dan konsisten.

MPPKUIM yakin dan percaya ketokohan dan keterampilan akhlak mahasiswa yang pernah berada di institusi persekolahan dan telah berjaya mengorak langkah ke menara gading akan menjadi contoh yang baik dan ikutan teladan buat seluruh para pelajar khususnya.

Selain itu juga, ibu bapa dan guru melalui Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) perlulah sentiasa berkongsi maklumat dan bersama-sama berbincang mencari jalan penyelesaian membangunkan sahsiah dan akademik anak-anak mereka.

Perkara yang paling penting ialah kesedaran semua pihak bahawa pendidikan bukan sahaja tanggungjawab satu pihak sahaja tetapi adalah amanah yang perlu digalas oleh semua pihak.

Justeru, MPPKUIM berpandangan semua pihak perlu melibatkan diri dan bertindak dengan pendekatan yang bersepadu dalam usaha menjadikan sekolah sebagai zon selamat di samping sebuah gedung ilmu yang menjadi tapak semaian kelahiran Ibnu Sina dan al Khawarizmi alaf baru.

- MOHD HARIRI  
MOHAMAD DAUD,  
Yang Dipertua MPPKUIM.